



### **Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM)**

**Aras 3 & 4, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya, No. 3, Jalan Tun Razak, Presint 3, 62100  
Putrajaya**

**Tel: 03-88703870 | Faks: 03-88703871 | Website: [www.yadim.com.my](http://www.yadim.com.my)**



## **KENYATAAN MUFTI PERAK PERLU PERHATIAN SERIUS SEMUA PIHAK**

Gesaan Mufti Perak, Sahibus Samahah Datuk Seri Haji Wan Zahidi Wan Teh agar masyarakat bertindak wajar dan menggunakan pendekatan berhikmah dalam membela Islam sewajarnya diambil perhatian serius oleh semua pihak, khususnya umat Islam di negara ini.

Isu boikot, dikhuatiri akibat terlalu disensasikan, akan menimbulkan lebih banyak kekeliruan hingga masyarakat tidak pasti yang mana satukah fakta yang benar dan tepat.

YADIM menyeru semua pihak agar cakna dengan kenyataan Mufti Perak tersebut supaya isu ini tidak menjadi semakin keruh dan merugikan semua pihak.

Umat Islam dan bukan Islam di negara ini saling memerlukan. Sebarang ketidakadilan dan keburukan yang menimpa salah satunya, akan memberi kesan kepada yang satu lagi. Justeru, saling hormat dan bantu membantulah sesama kita.

Seperti ditegaskan oleh Sahibus Samahah Datuk Seri Haji Wan Zahidi Wan Teh, dakwah Islamiah memerlukan suasana tenang dan damai serta hubungan harmoni antara kaum yang menganut pelbagai agama.

### **YANG DIPERTUA YADIM**

**DATUK HASANUDDIN MOHD YUNUS  
PUTRAJAYA, 5 MEI 2024/26 SYAWAL 1445H**